



PERLIS DALAM TEKS-TEKS MELAYU: SUATU PENELITIAN AWAL

Muhamad Safwan Mohd A'seri*

Universiti Malaya
ms15ba12@yahoo.com

ABSTRAK

Biarpun agak sukar untuk menemui naskhah-naskhah yang bersifat 'pensejarahan negeri Perlis' secara khusus, namun tidak bermaksud sejarah Perlis telah 'tenggelam' begitu sahaja. Malahan sejarah Perlis turut 'popular' tercatat di dalam naskhah-naskhah pensejarahan negeri lain. Telah terbukti dalam pelbagai naskhah seperti Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah, Salasilah Atau Tarekh Kerajaan Kedah, Peringatan Raja-raja Kedah dan lain-lain naskhah seumpama dengannya dalam memerihalkan sejarah Perlis dengan meluas dalam aspek politik mahupun ekonomi. Selain itu, diakui bahawa tetap wujud naskhah yang sangat bermanfaat dan berfokus dalam mengetengahkan negeri Perlis sama ada bersifat sejarah ataupun sastera seperti Salasilah Perlis, Salasilah DYMM Raja-Raja Perlis: Perhubungan dengan Nabi Muhammad SAW, DYMM Sultan Kedah, DYMM Raja Kubang Pasu, Dato' Arau, YB Dato' Pulau Langkawi, dan Syair Raja Muda Perlis. Dalam pada itu, kebanyakan peneliti kurang sedar tentang kepentingan dan kewujudan sejarah Perlis di dalam teks-teks Melayu sewaktu mengkaji. Mungkin juga kerana beranggapan cukup sekadar mengenali sejarah negeri Kedah sehingga menyebabkan para pengkaji terlupa bahawa Perlis turut berperanan dalam mencorakan sejarah negara serta kesultanan Melayu setelah berdiri sebagai sebuah institusi beraja pada tahun 1843. Oleh itu, makalah ini akan cuba untuk mengetengahkan sejarah mengenai Perlis menerusi hasil tulisan para pujangga Melayu meliputi segenap aspek yang berkaitan seperti tercatat di dalam teks-teks Melayu.

Kata kunci: Teks-teks Melayu, Sejarah Perlis, kesultanan, Negara institusi raja.

PENGENALAN

Perlis Indera Kayangan boleh dianggap antara kerajaan Melayu yang paling 'bongsu' wujud di Tanah Melayu sekiranya hendak dibandingkan dengan negeri-negeri Melayu lain. Hal ini kerana sebelum Perlis berdiri sebagai sebuah institusi beraja pada tahun 1843, dahulunya merupakan sebuah daripada jajahan-jajahan takluk Kesultanan Kedah. Oleh itu, sebagai pembuktian bahawa Perlis bukanlah sebuah negeri yang 'tenggelam' dalam lipatan sejarah sebaliknya turut tercatat di dalam teks-teks Melayu. Justeru dengan mengambil kira kepentingan sumber tersebut maka penelitian awal ini dilakukan bersandarkan kepada beberapa isu yang tercatat di dalam teks Melayu untuk ditonjolkan sebagai bukti bahawa sejarah Perlis turut memiliki keunikan yang tersendiri.

TEKS-TEKS MELAYU SEBAGAI SUMBER SEJARAH PERLIS

Kesultanan Melayu sememangnya kaya dengan khazanah tradisi penulisan yang menjadi kelaziman diusahakan oleh golongan istana. Keadaan ini tidak menghairankan kerana pada suatu ketika dahulu, istana ialah pusat penulisan dan perkembangan intelektual masyarakat Melayu. Usaha untuk mendokumentasikan kebijaksanaan pemerintahan beraja di zaman silam yang mengandungi pelbagai sama ada berbentuk undang-undang, susur galur

keturunan raja dan kerabatnya, sejarah perihal ekonomi, bahasa dan budaya. Lantas menyebabkan setiap Institusi Kesultanan Melayu memiliki teks-teks pensejarahan tersendiri misalnya, Perak (*Misa Melayu*), Kelantan (*Hikayat Seri Kelantan*), Selangor (*Kenang-Kenangan Selangor*), Johor (*Tuhfat al-Nafis*), Pahang (*Hikayat Pahang*), Kedah (*At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*) dan sebagainya. Menerusi penghasilan karya pensejarahan yang bersifat *istana centric* secara tidak langsung dapat dijadikan rujukan dalam meneliti sejarah setiap negeri tersebut. Sehinggaakan sesebuah negeri tersebut misalnya Johor memiliki begitu banyak teks pensejarahan namun sekiranya dibanding dengan Perlis sehingga kini hanya terdapat dua sahaja teks Melayu yang memiliki nilai sejarah. Walau bagaimanapun ini tidak beerti sejarah Perlis diabaikan begitu sahaja lalu menerusi penulisan makalah ini akan cuba untuk mencungkil serta mengetengahkan maklumat yang menjurus kepada sejarah Perlis berdasarkan teks-teks Melayu. Antara teks-teks tersebut seperti *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, *Salasilah Atau Tarekh Kerajaan Kedah*, *Peringatan Raja-raja Kedah*, *Hikayat Merong Mahawangsa* serta disokong oleh karya pensejarahan Perlis sendiri umpamanya, *Salasilah Perlis* dan *Salasilah D.Y.M.M. Raja-Raja Perlis: Perhubungan dengan Nabi Muhammad S.A.W., D.Y.M.M. Sultan Kedah, D.Y.M.M. Raja Kubang Pasu, Dato' Arau, dan Y.B. Dato' Pulau Langkawi*. Teks-teks bersejarah ini dilihat sebagai rakaman masa lampau negeri Perlis yang diwariskan secara turun-temurun oleh pujangga Melayu untuk tatapan masyarakat zaman terkemudiannya.

Sebelum membincangkan secara lebih jelas berkaitan Perlis di dalam teks-teks Melayu, elok sekiranya diperkenalkan secara sepintas lalu latar belakang naskhah yang akan digunakan dalam menyelidiki sejarah Perlis. Dipetik kenyataan Jelani Harun, dalam penulisannya yang menyatakan bahawa *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* merupakan karya besar yang lahir dalam sejarah persuratan Melayu di Kedah.¹ Teks ini hasil karangan Muhammad Hassan Muhammad Arsyad, Kerani Rahsia di istana Kedah, pada tahun 1927. Selain itu menurut catatan Mohd. Zahid Mohd. Shah, naskhah ini adalah hadiah daripada Cik Soda Muhammad kepada Dewan Bahasa dan Pustaka.² Sebelum *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* terhasil, sudah terdapat beberapa buah penulisan (naskhah) tentang sejarah negeri yang dilakukan lebih awal, iaitu *Hikayat Merong Mahawangsa* dan *Salasilah Atau*

*Pembentang ialah calon Sarjana Sastera (Sejarah Malaysia) di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

¹ Jelani Harun, "Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah: Muhammad Hassan dan Kepengarangan Istana Melayu Awal Abad ke-20", dalam Rogayah A. Hamid, Mariyam Salim, *Kesultanan Melayu Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006, hlmn. 15.

² Ada sesetengahnya menyebut sebagai *At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, walau bagaimanapun dalam penulisan ini akan menggunakan judul *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Karya *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* merupakan sebuah manuskrip yang membincangkan berkenaan salasilah dan sejarah pemerintahan negeri Kedah dari yang pertama hingga ke awal abad ke-20. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* pernah dirumikan serta diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), dikesan manuskrip asal berada dalam simpanan Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka dengan nombor rujukan MS100. Naskhah ini terdiri daripada 146 halaman, berukuran 32 cm x 21 cm ditulis dengan dakwat hitam dan merah. Selain itu, menurut Mardiana Nordin manuskrip yang bertulisan jawi ini turut tersimpan di Arkib Negara, Kuala Lumpur dengan kod M 249/72. Menurut beliau lagi, naskhah jawinya mengandungi 120 halaman dengan purata baris ayat di setiap halaman Antara 12 hingga 13 patah perkataan. Menurut catatan Mohd. Zain Mohd Shah, naskhah ini adalah hadiah daripada Cik Soda Muhammad Hassan kepada DBP. Keterangan lanjut, rujuk Rogayah A. Hamid dan Mariyam Salim, *Kesultanan Melayu Kedah*, hlmn. 15-16; Raja Masittah Raja Ariffin (penyelenggara), *Katalog Manuskrip di Pusat Dokumentasi Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka*, Kuala Lumpur: Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999, hlmn. 56; Mardiana Nordin, *Manuskrip Melayu: Tumpuan Dalam Hubungan Negeri-negeri Melayu dan Siam*, Seminar Majlis Wacana Warisan: 100 tahun Perjanjian Bangkok 1909 (12-13 Mei 2009), Kertas 6, hlmn. 3. Dalam konteks ini, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* telah dijadikan sebagai satu medium untuk merakamkan kebesaran, ketinggian dan kegemilangan Kerajaan Melayu Kedah disamping untuk memperlihatkan kebesaran bangsa Melayu itu sendiri dari aspek karya penulisan berunsur sejarah.

Tarekh Kerajaan Kedah (turut menjadi rujukan). Pengarang bagi *Hikayat Merong Mahawangsa* sehingga kini belum diketahui,³ sementara *Salasilah Atau Tarekh Kerajaan Kedah* karangan Wan Yahya bin Wan Muhammad Taib bin Temenggong Wan Musa al-Shahid bin Temenggong Sri Raja Petra.⁴ Teks *Peringatan Raja-Raja Kedah* tidak terlepas turut menyumbang dalam menyalurkan maklumat berkaitan Perlis. Zahir Ahmad dalam makalahnya menyatakan bahawa teks ini bersifat rencam, kerana di dalamnya termuat pelbagai perkara seperti catatan peribadi penulis/penyalin, perbelanjaan pembelian peralatan, perlantikan Tengku Pangeran menjadi Sultan Kedah, Salasilah Raja Kedah, perihal bunga emas, undang-undang kapal, peraturan dagangan serta perlantikan sultan.⁵ Biarpun kandungannya rencam tetapi dapatan yang termuat di dalamnya memperlihatkan sedikit sebanyak sejarah mengenai Kayang (Perlis). Selain penggunaan teks-teks pensejarahan Kedah sebagai sumber, di dapati sumber-sumber Perlis yang menyentuh berkaitan sejarah tempatan tidak terkecuali untuk dibicarakan dalam makalah ini iaitu *Salasilah Perlis* dan *Salasilah D.Y.M.M. Raja-Raja Perlis: Perhubungan dengan Nabi Muhammad S.A.W., D.Y.M.M. Sultan Kedah, D.Y.M.M. Raja Kubang Pasu, Dato' Arau, dan Y.B. Dato' Pulau Langkawi*.

Salasilah D.Y.M.M. Raja-Raja Perlis merupakan hasil pengumpulan serta susunan Ahmad bin Ismail dalam tulisan Jawi dan rumi yang dinukilkan pada tahun 1963. Menurut catatannya dalam teks ini, penyusunan tersebut berpandukan kepada cerita lisan yang diperolehi daripada datuknya, Muhammad Said bin Haji Awang (bekas Penghulu Mukim Kuala Perlis). Daripada teks ini boleh didapati beberapa fakta-fakta sejarah politik negeri Perlis meskipun karya ini dipenuhi oleh rajah-raja salasilah keturunan (*family tree*), tanpa naratif yang panjang lebar.⁶ Secara ringkasnya dalam teks menceritakan mengenai salasilah kerabat diraja Perlis yang melibatkan perhubungan kekeluargaan dengan Nabi Muhammad S..A.W, kerabat diraja Kedah, keluarga Dato' Arau, Raja-raja Kubang Pasu serta pertalian dengan orang besar Langkawi (Dato' Pulau Langkawi). *Salasilah Perlis* adalah merupakan satu-satunya naskhah pensejarahan negeri (kerajaan) Perlis yang diketahui kini bertulisan Jawi. Menjadi kebiasaan teks yang lahir pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20, dikarang dalam buku latihan dan ciri ini tidak terkecuali dimiliki oleh

³ Siti Hawa Salleh menyatakan Hikayat Merong Mahawangsa ialah hasil kesusasteraan istana yang memperkatakan kehidupan istana dan sememangnya ditulis oleh pujangga istana yang sangat mahir akan bahan yang digunanya. *Hikayat Merong Mahawangsa* setakat ini mempunyai lapan versi, untuk keterangan lanjut sila rujuk, Siti Hawa Haji Salleh, (penyelenggara) *Hikayat Merong Mahawangsa*, Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Penerbit Universiti Malaya, 1998, hlm.iv; Siti Hawa Haji Salleh, "Hikayat Merong Mahawangsa: Suatu Pembacaan Semula", dalam Rogayah A. Hamid dan Mariyam Salim, *Kesultanan Melayu Kedah*, hlmn. 189-190.

⁴ Intipati *Salasilah Atau Tarekh Kerajaan Kedah* terbahagi kepada dua bahagian, bahagian pertama adalah tentang kedudukan petempatan negeri atau daerah yang menerangkan sempadan geopolitik Kedah, pulau utama, puncak tertinggi dan daerah pentadbiran Kedah. Manakala bahagian kedua teks digarap agak panjang dan memberikan tumpuan terhadap salasilah pemerintahan sultan Kedah. Lihat, Mohd. Isa Othman, "Salasilah atau Tarikh Kedah dalam konteks Pensejarahan Awal Abad ke-20", dalam Rogayah A. Hamid dan Mariyam Salim, *Kesultanan Melayu Kedah*, hlmn 3-4.

⁵ Pengarang teks ini meriwayatkan bahawa dia telah diperintah oleh Tok Bendahara Indera Kayangan dan Dato' Maharaja. Sudah pastinya pengarang ini merupakan individu yang rapat dengan golongan istana, andaian ini telah dilakukan oleh Zahid Ahmad dalam tulisannya. Beliau memetik intipati teks tersebut seperti berikut:

Pada ketika itu menyatakan hasrat Tok Bendahara Kota Indera Kayangan dan Dato' Maharaja serta menteri pegawai hulubalang menurunkan ceteranya pada kertas ini mengiring menteri dan ... Duli tuanku saudara bersaudara di kepala kecil ini dipersembahkan taruh pada ke bawah Duli Tuanku Ibrahim Yang Maha Mulia. Telah kesukaanlah patik-patik sekalian ini negeri Kedah ini menurut titah ...

Lihat, Zahid Ahmad, "Peringatan Raja-Raja Kedah: Suatu Pengenalan Naskhah", dalam Rogayah A. Hamid dan Mariyam Salim, *Kesultanan Melayu Kedah*, hlmn 212

⁶ Ahmad bin Ismail telah menyusun salasilah ini pada tahun 1963, di Batu 1 ½ Jalan Raja Syed Alwi, Kangar Perlis.

Salasilah Perlis. Jika dilihat sekali imbas, berkemungkinan naskhah ini dikarang oleh individu berlainan sekiranya berpandukan bentuk tulisan yang dimiliki dan menyebabkan teks ini dikarang secara berperingkat-peringkat.⁷ Seandainya berpandukan catatan dikulit hadapan *Salasilah Perlis*, Wan Din bin Wan Ali bin Wan Abdul Rahman bin Wan Muhammad Saman dilihat mungkin merupakan pengarang terawal ataupun terakhir teks ini. Sebaliknya, jika mengambil kira maklumat yang tertulis dalam Katalog Manuskrip Dewan Bahasa dan Pustaka memperjelaskan bahawa teks ini diceritakan oleh Wan Abdul Rahman bin Wan Muhammad Saman secara lisan kepada anaknya dan ditulis bersama-sama pada 1239 Masihi. Penelitian yang mendalam harus dijalankan bagi menyorot serta mengupas latar silam teks ini dalam mengenali sejarah institusi beraja yang wujud di Perlis hingga kini. Maka deduksi awal di buat bahawa catatan mengenai negeri Perlis dalam persada sejarah khususnya dalam teks-teks Melayu menampilkan hakikat kemakmuran serta perjalanan yang berkesimbangan sejak zaman berzaman.

SEJARAH PERLIS SEBELUM 1800 DI DALAM TEKS MELAYU

Pada period ini memperlihatkan Perlis sebagai jajahan takluk Kesultanan Kedah sering kali menjadi pilihan untuk didirikan pusat pemerintahan Kedah (dalam konteks pembinaan pusat pemerintahan). Sekiranya dilihat dari aspek kewujudan, Perlis telah melewati zaman prasejarah lantas telah menempuhi 'survival' yang cukup panjang.⁸ Dengan penemuan hasil-hasil peninggalan artifak arkeologi yang berupa kepingan tanah liat keras yang bertulis serta patung berhala, dapat membuktikan bahawa bumi Perlis telah didiami oleh manusia sejak sekian lama.⁹ Tidak dapat dinafikan bahawa perkongsian sejarah dengan Kesultanan Kedah setelah sekian lama menyebabkan sehingga kini perkaitan antara Perlis dan Kedah berpisah tiada. Hal ini kerana pengaruh penguasaan Kesultanan Kedah sejak abad ke-12 yang meliputi jajahan pemerintahan yang besar, termasuk Perlis ketika itu tidak banyak membantu dalam mencernakan imej sebenar negeri Perlis dalam lipatan sejarah.¹⁰ Lantaran itu, tidak menjadi suatu perkara yang ganjil seandainya nama Perlis itu sendiri jarang sekali disebut ataupun dicatat di dalam teks-teks Melayu. Sebaliknya penggunaan, "Negeri Kedah dan jajahan-jajahan takluknya" ataupun "Kesultanan Kedah dan jajahan-jajahan takluknya" telah digunakan secara meluas dalam karya Melayu tradisional. Walau bagaimanapun, jika dilakukan penelitian dengan lebih mendalam sebenarnya Perlis telah disebut secara 'popular' oleh para pujangga Melayu. Peristiwa pertama yang menyangkut dengan sejarah negeri Perlis di dalam teks-teks Melayu khususnya karya pensejarahan Kedah adalah merujuk kepada peristiwa pengasasan pusat pentadbiran Kesultanan Kedah yang berlaku pada tahun 1652 Masihi. Sebenarnya bumi Perlis cukup bertuah kerana dahulunya pernah dipilih untuk dijadikan sebagai pusat pemerintahan Kesultanan Kedah oleh beberapa orang sultan. Pemilihan Kota Sena untuk dijadikan pusat pemerintahan oleh Sultan Muhyidin

⁷ Naskhah ini dibeli oleh Mustaffa A.Hamid daripada Wan Hamzah bin Wan Din pada 12 November 1963. Naskhah ini berada dalam keadaan baik dan tersimpan di Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kod panggilan MS 85. Wujud perbezaan penulis bersandarkan kepada kepenggunaan dakwat serta ciri tulisan. Halaman 1 – 14 teks ditulis dengan pensil, halaman 14 – 24 berdakwat biru, bagi halaman 21 – 22 dan 25 – 26 menggunakan dakwat merah dan bagi halaman 26 – 30 dakwat hitam digunapakai.

⁸ Kewujudan melewati zaman pra-sejarah yang dibuktikan dari peninggalan bahan zaman purba di Gua Tegun Lembu (Tengku Lembu) Beseri, telah membayangkan kematangan warisam negeri Perlis dalam mengharungi perjalanan ataupun ikhtiar yang panjang (survival). Lihat, Ahmad Fawzi Mohd. Basri (penyunting), *Syed Sirajuddin Putra Jamalullail*, Kangar: Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis, 2001, hlmn. 8

⁹ Perlis pada peringkat awal telah melewati zaman pra-sejarah yang seterusnya dibayangi oleh pengaruh-pengaruh ajaran Buddha dan akhirnya pada abad ke-12, pengaruh agama Islam mengambil tempat mendasari cara hidup masyarakat Perlis. Ibid.,

¹⁰ Ahmad Fawzi Mohd. Basri (penyunting), *Syed Sirajuddin Putra Jamalullail*, hlmn. 8

Mansur Shah (1653-1661) dilihat merupakan salah satu daripada strategi keselamatan bagi mengekang kekuasaan Belanda di Melaka. Malahan pada tahun 1659, pihak Belanda menerusi dasar monopoli bijih timah yang diamalkan secara langsung telah menggugat kestabilan serta keselamatan di Kuala Sungai dan seterusnya turut memberi kesan kepada kegiatan perdagangan di lokasi berkenaan.¹¹ Pembinaan kota ini bermula pada tahun 1653 Masihi dan siap kira-kira selepas dua tahun, tempoh yang panjang diperlukan untuk menyiapkan pembinaan istana baginda serta kaum kerabatnya. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* mencatatkan,

...maka pada delapan haribulan Jamadilawal tahun Hijrah seribu enam puluh tiga (1063) Sultan Muhyiddin Mansor Shah Yang Maha Mulia bermuafakat dengan segala menteri-menterinya membangunkan sebuah kota di Sena. Maka dalam tahun hijrah seribu enam puluh lima (1065) pada tujuh belas haribulan Rabiulakhir kota Sena itu pun siap sekaliannya. Maka pada hari yang baik Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia dengan sekalian istananya dengan menteri-menteri pun berangkat dari Kota Naga pergi bersemayam di Kota Sena...¹²

Pembukaan Kota Sena pada 24 Februari 1655 merupakan titik tolak kepada perkembangan penempatan awal penduduk Perlis. Seajar dengan pembinaan kota tersebut pada masa yang sama turut memberi kesan kepada pembukaan sebuah kawasan baru untuk diterokai, iaitu Kangar pada 1653 Masihi. Selang beberapa tahun, Kedah diselubungi kedukaan apabila Sultan Muhyidin Mansur Shah, Sultan Kedah ke-14 telah pun mangkat pada tahun 1661 dan dimakamkan di Kota Sena.

Peralihan tampuk pemerintahan Kesultanan Kedah kepada Sultan Dhiauddin Mukarram Shah (1661-1687) turut menyaksikan perubahan pusat pentadbiran sekali lagi. Pada kali ini, Kota Indera Kayangan (Perlis) telah dipilih dan diangkat sebagai pusat pemerintahan baru untuk dibangunkan sebagai sebuah kota pemerintahan di dalam Jajahan Perlis. Pada abad ke-17 juga menyaksikan kota ini telah menjadi tersohor dengan kegiatan pertanian yang giat dijalankan ketika itu. Pada peringkat awal, kota ini dikenali sebagai Kota Palas¹³ namun disebabkan telah mengalami pelbagai kemajuan sepanjang pemerintahan baginda Sultan Dhiauddin Mukarram Shah, maka kemudiannya diberi nama Kota Kayangan. Jika diteliti Kota Indera Kayang (Perlis) sebenarnya mempunyai potensi ekonomi yang sangat tinggi bagi negeri Kedah khususnya bagi pengeluaran hasil padi.¹⁴

¹¹ Jika dilihat Kota Sena merupakan ibukota yang pertama sekali dibina di Jajahan Perlis. Mazmin Mat Akhir dan Hirwan Jasbir Jaafar, "Sejarah" dalam *Perlis Mahkota Negara*, Kangar: Unit Kajian Strategik, Universiti Malaysia Perlis, 2010, hlmn. 34.

¹² Muhammad Hassan Muhammad Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1968. hlmn. 76

¹³ Dahulunya Kota Kayangan dikenali dengan nama Kota Palas disebabkan struktur bumi yang ditumbuhi dengan pokok palas. Disebabkan kota ini dikelilingi oleh bukit bukau serta dihiasi dengan permandangan indah awan dan langit telah menjadikannya seolah-olah berada di atas kayangan.

¹⁴ Disebabkan faktor ini, sepanjang pemerintahan Sultan Dhia'uddin Al-Mukarram Shah banyak perubahan yang dilakukan baginda bagi membangunkan kota ini. Pada tahun 1664 baginda menitahkan supaya digali sebuah terusan untuk menghubungkan Sungai Perlis ke Sungai Kedah di Kampung Che' Madi, Anak Bukit untuk mewujudkan sistem saliran bagi kegunaan rakyat tempatan untuk mengusahakan sawah padi (bendang).¹⁴ Dengan kata lain, pembinaan saliran ini telah memendekkan jarak antara Kedah dan Kota Kayang serta memberi peluang ekonomi kepada rakyat Kedah. Ini berdasarkan,

Shahadan lagi, Duli Baginda Sultan bermuafakat dengan segala menteri-menterinya mengorek sungai daripada Kayang tembus ke Sungai Besar Kampung Che' Madi bagi kegunaan rakyat yang mengambil tanah untuk diperbuat bendang. Hatta tiada beberapa lama siaplah sungai tersebut itu. Pada ketika itu banyaklah rakyat berhimpun mengambil tanah untuk dibuat bendang ...

Lihat, Muhammad Hassan bin To' Kerani Muhammad Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, hlm. 78

Sekiranya merujuk kepada pola pembangunan pada ketika itu, sumber ekonomi Kedah telah bertukar haluan daripada melakukan perdagangan enterport kepada kegiatan penanaman padi sawah secara besar-besaran.¹⁵ Kelebihan yang dimiliki tersebut, diperkukuhkan lagi dengan memiliki kawasan tanah yang luas serta subur, menyebabkan kawasan ini sangat sesuai untuk diterokai sebagai sawah bendang dicampur dengan Sungai Perlis¹⁶ sebagai sumber pengairan telah menjadikannya pilihan utama pemerintah Kedah. Dalam zaman tersebut Sultan Dhiauddin Mukarram Shah telah mengadakan matawang yang berbentuk 8 segi yang diperbuat daripada campuran tembaga dan perak.¹⁷ Di akhir-akhir waktu pemerintahan Sultan Dhiauddin Mukarram Shah, tercetusnya konflik perebutan kuasa apabila Tengku Ngah Putra telah memperlihatkan azamnya mahu menjadi bakal Sultan Kedah. Berhubung dengan itu, angkatan tentera Bugis telah melancarkan serangan pada tahun 1686, namun serangan tersebut berjaya dipatahkan oleh pihak Kedah. Setahun selepas itu, baginda tuanku pun mangkat dan dimakamkan di Kota Kayangan (Perlis), bergelar Almarhum Kayang Pertama.¹⁸ Kisah mengenai Perlis tidak berakhir begitu sahaja walaupun pemerintah selepas itu telah menjadikan Kota Giam sebagai pusat pemerintahan.¹⁹ Hal ini kerana sekiranya dirujuk *Salasilah Atau Tarekh Kerajaan Kedah* yang menyebut bahawa sewaktu pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin II (1710 – 1778), baginda turut memilih Perlis untuk dijadikan pusat pemerintahan.

Pada Hajarat 1107 Sultan Mahamad Jawa telah buka lagi suatu Kota Ngeri di dalam Perlis di tempat yang bernama Wai yang dinamakan Negri itu Negri Perlis Kota Kayangan ... Pada Hajarat 1188 Sultan Mahamad Jawa molaie perbuat suatu kota lagi di Anak Bukit kerana hendak ditabalkan Tenku Abdullah menjadi Raja di dalam Negri Kedah. Akan Tenku Zayaudin menjadi Raja di dalam Negri Perlis ... Pada Hajarat 1190 telah ditabalkan di Kota Anak Bukit Sultan Abdullah menjadi Raja di dalam Kedah dan Tenku Zayaudin menjadi Raja Muda di dalam Negri Perlis.²⁰

¹⁵ Tang, Julie Su Chin, *Sejarah Kerajaan Perlis, 1841-1957 (History of the Kingdom of Perlis, 1841-1957)*, Kuala Lumpur : Malaysian Branch of the Royal Asiatic (MBRAS), No.32, 2002, hlm. 36.

¹⁶ Lembah Sungai Perlis menghulurkan punca pendapatan kedua terbesar kepada pemerintah Kedah. Selain itu, Kuala Perlis seperti yang diketahui kini merupakan sebuah perkampungan nelayan yang terletak di muara Sungai Perlis. Namun pada suatu ketika dahulu kawasan ini telah menjadi laluan utama pedagang dan saudagar dari India, Parsi dan Belanda yang membawa pelbagai jenis barang dagangan. Muara ini turut menjadi persinggahan kapal-kapal pedagang pada sekitar kurun ke-15. Lama-kelamaan kawasan ini menjadi maju dan semakin pesat berkembang. Ia menjadi sebuah pelabuhan perdagangan yang turut bersaing dengan pelabuhan-pelabuhan lain di Kuala Muda, Kuala Merbuk dan Kuala Kedah. Bagi keterangan lanjut sila rujuk, Tang, Julie Su Chin, *Sejarah Kerajaan Perlis, 1841-1957 (History of the Kingdom of Perlis, 1841-1957)*, hlm. 36.

¹⁷ Asas kemakmuran, kemajuan Kota Indera Kayangan Pertama sebagai pusat pemerintahan dibuktikan melalui fakta sejarah iaitu, mata wang berbentuk lapan segi yang diperbuat daripada campuran tembaga dan perak, setiap keeping seberat 0.77 gram dapat dihasilkan. Rujuk, Ahmad Fawzi Mohd. Basri (penyunting), *Syed Sirajuddin Putra Jamalullail*, hlmn. 9

¹⁸ Ahmad Ismail dan Yazid Mat, *Perlis Indera Kayangan: Sejarah Pembentukan Sebuah Negeri Berdaulat*, Kangar: Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis, 1992, hlmn. 6

¹⁹ Perubahan pusat pemerintahan dan tempat bersemayam Sultan-sultan Kedah sudah menjadi tradisi ataupun suatu kemestian pada zaman tersebut. Dilihat apabila berlaku perubahan pemerintahan (perlantikan sultan baru), maka secara langsung pusat pentadbiran turut berpindah. Menurut Alwi Sudin dalam penulisannya, keadaan tersebut berlaku atas dua sebab, pertama berkemungkinan berpunca daripada kepercayaan karut yang diamalkan oleh masyarakat ketika itu. Selain atas faktor kepentingan keselamatan yang mengakibatkan wujudnya beberapa buah kota (pusat pemerintahan Kedah) termasuk Perlis. Lihat, Alwi Sudin, "Kota Indera Kayangan", *Warisan Indera Kayangan*, Perlis: [Unit Penerbitan PAPANP](#), 2004, hlmn. 19.

²⁰ Wan Yahya bin Wan Muhammad Taib bin Temenggong Wan Musa al-Shahid bin Temenggong Sri Raja Petra, *Salasilah Atau Tarikh Kerajaan Kedah*, Alor Star: Di-chap oleh British Malaya Press, 1329 [1911], hlmn. 5

Sultan Muhammad Jiwa II (1710 – 1778) sendiri ketika bersemayam di Kayang (Perlis) turut menghadapi serangan orang Bugis, di bawah Raja Haji yang ingin menggantikan baginda oleh 'anak didik' Raja Haji iaitu anakanda Sultan Muhammad Jiwa II sendiri yang tidak bersependapat dengan perlantikan Tengku Abdullah sebagai pewaris takhta Kedah. Justeru dengan mengambil kira intipati serta fakta yang termuat di dalam *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* serta *Salasilah Atau Tarekh Kerajaan Kedah* sekurang-kurangnya memberitahu kepada kita bahawa dahulunya Kota Kayang merupakan kota pemerintahan yang memiliki keistimewaan tersendiri sehinggakan kebanyakan karya pensejarah Melayu Kedah akan memperihalkannya. Menurut Kobkua Suwannathat-Pian yang berpandangan bahawa, Kayang (Perlis) sebagai tapak kuasa raja pemerintah yang lebih kukuh dan selamat berbanding Kota Setar semasa mendapat ancaman dari kuasa luar.²¹ Di hujung-hujung pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa II, baginda telah melantik seorang puteranya, iaitu Tengku Dhiauddin sebagai Raja Muda untuk memerintah Kayang. Apabila Sultan Abdullah (1778-1798) menduduki takhta, Kayang (Perlis) mempunyai taraf yang tersendiri dalam Kesultanan Kedah. Secara praktiknya semasa diperintah oleh Tengku Dhiauddin Kayangan (Perlis) berada di luar bidang kuasa pemerintah Kedah. Pada tahun 1798, Tengku Dhiauddin telah dipilih oleh para pembesar Kedah sebagai pengganti Sultan Abdullah dan sempat mentadbir selama enam tahun (1798-1804) sebelum diserahkan kepada Tengku Pangeran.

Biarpun begitu, *Peringatan Raja-raja Kedah* menonok, bahawa wujudnya perselisihan antara Tengku Pangeran dan Tengku Ibrahim dengan para pembesar setelah kemangkatan Sultan Abdullah Mukarram Syah. Dikatakan bahawa apabila Sultan Abdullah mangkat, jenazahnya tidak dapat dimakamkan sehingga melantik Raja Perlis sebagai pengganti baru Sultan Kedah. Pada masa yang sama, datanglah Raja Perlis (Kayang) iaitu Tengku Dhiauddin menitahkan supaya dimakamkan jenazah Sultan Abdullah. Dengan titah tersebut, maka taballah Raja Perlis (Kayang) walaupun pada mulanya baginda dikatakan menolak. Akibat terlalu menurut permintaan anak saudaranya hingga menyebabkan keadaan kelam-kabut di Kedah ketika itu kerana segala pendapatan negeri tidak terurus. Ketidakstabilan Kedah berada di bawah pemerintahan seorang Raja Perlis (Kayang) tergambar dalam teks tersebut.²² Keadaan ini telah memaksa Tengku Pangeran berangkat ke Siam untuk memohon bantuan, maka dengan persetujuan Raja Siam maka dilantik Tengku Pangeran menjadi Sultan Kedah manakala Raja Muda disandang oleh Tengku Ibrahim. Rampasan tersebut menyebabkan Tengku Dhiauddin kembali ke Kayang dan menetap di sana.

Tatkala Tengku Pangeran (kemudian bergelar, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II, 1804-1843) memegang tampuk pemerintahan, Kedah tidak sunyi daripada timbul pertentangan antara kerabat diraja. Antara salah satu penyebab terbesar yang membawa kepada tercetusnya Perang Kedah-Siam 1821, adalah apabila Wilayah Kota Indera Kayang menjadi rebutan dan persaingan oleh kaum kerabat diraja Kedah. Konflik ini bermula apabila Tengku Ya'akob (Tengku Embom) telah memohon kepada Sultan Ahmad Tajuddin

²¹ Kobkua Suwannathat-Pian, "Kesultanan Perlis", dalam *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.

²² ...Demikian lagi peroleh di dalam negeri daripada hasil mahsul cukai pun ikut siapa-siapa dan ialah boleh kerana rakyat-rakyat pada segala mukim ikut suara rakyat-rakyat itu. Ada yang duduk pada Tengku Pangeran tiga empat puluh mukim, yang duduk pada Tengku Ibrahim empat lima puluh mukim. Dan pada menteri pegawai setengah barang faedah yang keluar di dalam mukim-mukim itu jadi perolehan orang memegang mukim. Itu pun tiada disimpannya, boleh akan dia setengahnya sahaja...

Lihat, Zahir Ahmad, "Peringatan Raja-raja Kedah: Suatu Pengenalan Naskhah", dalam dalam Rogayah A. Hamid dan Mariyam Salim, *Kesultanan Melayu Kedah*, hlmn. 215-216; *Peringatan Raja-raja Kedah*, hlmn 24.

II untuk memerintah Kota Kayang dan Setul bagi mengantikan Raja Muda Kayangan, Tengku Dhia'uddin yang telah mangkat (bergelar Marhum Kayang Kedua/Marhum Tok Kayang) akan tetapi permintaan tersebut ditolak. Penolakan tersebut menimbulkan rasa tidak puas hati Tengku Ya'akob kerana kawasan Kota Kayang hendak diserahkan kepada Tengku Yusof iaitu adinda sepupu untuk mentadbir sebaliknya Tengku Ya'akob diberi kawasan Kota Setar. Setelah puas tiga kali Tengku Ya'akob masuk menghadap kebawah Duli Tuanku Sultan Ahmad Tajuddin II untuk mempekenankan permintaannya namun tetap ditolak baginda.²³ Ini telah menimbulkan perasaan dendam lantas Tengku Ya'akob bersama pengikutnya mengadap Raja Ligor iaitu Chao Phya Nongkon Sri Tamrat untuk menyatakan hasratnya untuk merampas Kota Kayang serta Kerajaan Kedah. Hal ini memperlihatkan bahawa Kota Kayang merupakan sebuah lokasi yang berkepentingan dalam memberi sumbangan ekonomi, mahupun keupayaan keselamatan dari aspek pemerintahan ketika itu.²⁴

Sejarah membuktikan terdapat beberapa sultan Kedah yang telah dimakamkan di Perlis, antaranya Sultan Dhia'uddin. Lantaran, menyebabkan catatan mengenai Perlis termaktub di dalam beberapa buah karya pensejarahan Kedah, seperti *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah, Salasilah Atau Tarekh Kerajaan Kedah, Peringatan Raja-raja Kedah*. Namun, seperkara yang menarik walaupun sesetengah pengkaji beranggapan bahawa *Hikayat Merong Mahawangsa* merupakan karya berbetuk fiksyen/mitos sepenuhnya namun diakhir penceritaannya turut termuat senarai pemerintah kesultanan Melayu Kedah dan tidak terkecuali yang pernah menjadi menjadikan Sena dan Kayang (Perlis) sebagai pusat pentadbiran.

...Sultan Rjalu'l-din Muhammad Shah, yaitu marhum Naka, puteranya itu namanya Sulta Muhyi'l-din Mansur Shah, yaitu marhum sena, puteranya itu namanya Sultan Dzia'u-l-din Mukarram Shah, yaitu marhum Ilir dan ke balaipun namanya juga, ... sultan Muhammad Jiwa Zainu'l-Adilin Mu'azzam Shah, yaitu marhum Kayangan, puteranya itu nama Sultan Abdullah al-Mukarram Shah, yaitu marhum muda Bukit Pinang, kemudian dari itu putera Sultan Muhammad Jiwa Zainu'l-Adilin Mu'azzam Shah, juga jadi raja, namanya Sultan Dzia'u-l-din Ma'azzam Shah, yaitu marhum Muda Kayangan...²⁵

²³ Muhammad Hassan bin To' Kerani Muhammad Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, hlm. 146.

²⁴ Selain itu, kawasan Kota Kayang ini mempunyai nilai keselamatan yang tinggi disebabkan struktur geografi strategik. Hal ini kerana kota ini berdekatan dengan laut disamping muaranya yang sempit memberi peluang perlindungan semula jadi daripada serangan musuh. Kota ini dibina di kawasan yang dikelilingi bukit seperti Bukit Papan, Bukit Kubu, Bukit Wai, Bukit Lambung Panah, Bukit Nasi Sebungkus, Bukit Besi Hangit, Bukit Menara, Bukit Kayang, dan Bukit Jagat Hitam. Ini memberi kelebihan kepada Kota Kayang kerana bukit tersebut menjadi 'perisai' keselamatan kepada Kota Istana sekiranya berlaku serangan dari pelbagai sudut. Selain itu, bukit-bukit ini turut berfungsi sebagai menara kawalan. Apabila berlakunya peperangan, panglima akan mendaki bukit tersebut untuk memantau serangan daripada pihak lawan dan terdapat juga gua pada bukit ini yang dipercayai menjadi tempat persembunyian kerabat raja sewaktu peperangan. Keterangan lanjut, rujuk *Sinar Harian*, "Mengimbau Sejarah Kota Kayang di Perlis", pada 17 Disember 2011.

²⁵ Siti Hawa Salleh, *Hikayat Merong Mahawangsa* (diselenggara), Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1970, hlmn. 127.

SEJARAH PERLIS SELEPAS 1800 DI DALAM TEKS MELAYU

Perubahan status Perlis dari sebuah jajahan takluk menjadi sebuah negeri baru dengan memiliki institusi beraja, jelas berlaku selepas tamat Perang Kedah-Siam yang berlangsung selama 22 tahun.²⁶ Dengan rombakan yang berlaku pada tahun 1839 – 1842, maka muncullah sebuah institusi pemerintahan diraja Perlis di bawah Dinasti Syed Jamalullail yang berkekalan sehingga kini. Sejarah mencatatkan bahawa individu yang mula-mula meletakkan asas kepada penubuhan serta peneroka kawasan Perlis ialah Syed Harun Jamalullail. Secara ringkasnya, Syed Harun Jamalullail adalah hasil perkahwinan Syed Ahmad ibni Syed Hussin Jamalullail dengan Sharifah Aminah binti Sharif Muhammad Taha Al-Qadri sewaktu menetap di Limbong, Kedah.²⁷ Setelah kematian ayahandanya maka Syed Harun telah berangkat ke Chenak bersama-sama dengan Syed Umar Al-Qadri (ayah saudara). Di sana beliau telah tinggal bersama Syed Ibrahim Al-Qadri (Tok Ku Chenak). Tidak lama selepas itu, Syed Harun dan Tok Ku Chenak serta keluarga mereka berangkat kembali ke Kedah dan berkebetulan ketika itu Jajahan Perlis (Kayang) di bawah jagaan dan kuasa Tengku Dhia'uddin maka diberi kebenaran untuk menetap di suatu kawasan dalam Jajahan Perlis (Arau dan Padang Siding).²⁸ Dengan kebolehan dalam memperkembangkan kawasan Arau akhirnya Syed Harun dilantik sebagai Penghulu Arau yang pertama. Dicatatkan dalam *Salasilah Perlis* yang berbunyi,

...tatkala itu Yang Dipertuan Tengku Pangeran dikurniai negeri Perlis ini kepada Syed Harun dan kepada saudaranya Tengku Ku Cik (Tengku Tunjung), mari memerintah di Perlis ini iaitu di Kota Arau memerintah ia seperti keadaan raja. Akan tetapi bukannya raja ialah wakilnya sahaja. Dipanggil orang Perlis itu Tuan Besar...²⁹

Sekiranya dibuat perbandingan dengan *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* serta *Salasilah Atau Tarekh Kerajaan Kedah*, naskhah *Salasilah Perlis* menyatakan bahawa Tengku Pangeran (Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II) telah melantik Syed Harun Jamalullail sebagai Penghulu Arau. Namun, seandainya diteliti dalam naskhah pensejarahan Kedah seperti *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* yang sekadar memperjelaskan bahawa Syed Harun Jamalullail berasal dari Palembang yang telah berkunjung ke Kedah dan kemudian membuka kebun serta kampung di Arau.

...maka akan Tengku Sofiah itu dikahwinkan dengan Tuan Syed Abu Bakar yang mempunyai nama timang-timangan iaitu Tuan Syed Harun Jamalullail, peranakan Palembang yang datang ke Kedah membuka sebuah kebun dan

²⁶ Serangan dan penaklukan Siam ke atas Kedah pada tahun 1821 dan pendudukannya sehingga 1842, mencetuskan beberapa siri peperangan yang melibatkan perjuangan orang Melayu Kedah dalam membebaskan tanah air dan memulihkan semula kedaulatan Kerajaan Kesultanan Kedah serta maruah bangsa Melayu. Oleh itu, sejawan telah membahagikan perang antara Kedah dengan pihak Siam kepada dua jenis bentuk peperangan, iaitu perang gerila yang wujud sepanjang masa dan perang terbuka yang meletus pada tahun 1823, 1828-1829, 1829-1831, 1836 dan 1828-1839. Rujuk, Abdullah Zakaria, "Menoleh Sejarah Membetulkan Arah", Jabatan Sejarah, Universiti Malaya Kuala Lumpur, hlmn. 8; Mohd Isa Othman, *Pentadbiran Siam di Kedah 1821-1842*, Persidangan Majlis Wawancara Warisan: 100 Tahun Perjanjian Bangkok 1909 (12-13 Mei 2009), Auditorium Arkib Negara Malaysia, hlm, 8.

²⁷ Ahmad Ismail dan Yazid Mat, *Perlis Indera Kayangan: Sejarah Pembentukan Sebuah Negeri Berdaulat*, hlmn.

25

²⁸ Ibid., hlmn 26- 27

²⁹ *Salasilah Perlis*, hlmn. 7.

kampung halaman di Arau. Mereka beroleh seorang anak laki-laki bernama Tuan Syed Hussin Jamalullail. Demikianlah adanya...³⁰

Perkahwinan Syed Harun dengan Wan Fatimah telah dianugerahkan seorang putera bernama, Syed Hussin Jamalullail pada 1220 Hijrah (1805 M). Dengan demikian itu, semenjak dari kecil Syed Hussin dibesarkan dalam persekitaran diraja serta pendidikan dari kaum kerabat Kedah dan para pembesar. Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya beliau mewarisi jawatan selaku Penghulu Arau yang kemudiannya diangkat menjadi Gabenor dan kemuncaknya dilantik menjadi Raja Perlis Pertama yang memerintah sebuah negeri baru, iaitu Perlis Indera Kayangan.

Sebelum Perlis diiktiraf dan berdiri sebagai sebuah negeri berdaulat, 'jajahan kecil' ini terpaksa menempuhi liku-liku khususnya sewaktu konflik Kedah-Siam meletus serta penaklukan Siam di Kedah. Oleh yang demikian, sekiranya mengaitkan kisah pengambilan kembali kedaulatan Kedah daripada Siam antara tokoh yang sering menjadi sebutan adalah Tengku Anom, Tengku Muhammad Sa'at, Tengku Kudin dan lain lagi tetapi tidak Syed Hussin Jamalullail. Peperangan meletus di Kedah dan episod peperangan ini diceritakan dengan panjang lebar di dalam *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Dirwayatkan pemergian Tengku Anom, Tuan Syed Hussin dan rombongannya ke Ligor sebelum tahun 1838 dilihat sebagai ikhtiar terakhir setelah Kedah mengalami kekalahan dalam beberapa siri peperangan. Keberangkatan yang dirancang tersebut sebagai cabang strategi peperangan menerusi kaedah tipu muslihat dengan berbaik-baik dengan pihak musuh (Ligor). Menerusi perkahwinan yang direncanakan itu telah berlangsung di Ligor, antara Tuan Syed Hussin dengan Tengku Aishah. Pernikahan tersebut merupakan salah satu 'cara halus' digunapakai oleh pihak Kedah untuk menambat hati serta memperoleh kepercayaan daripada Raja Ligor. Setelah konflik yang menyaksikan beberapa episod peperangan yang tercetus di Kedah dan Siam dari tahun 1821 hingga 1842 berakhir, Bangkok pada tahun 1839 telah menyerah kembali pentadbiran negeri Kedah kepada para pemimpin Melayu tempatan.

Pada peringkat awal penyerahan semula tersebut menyaksikan Kedah telah dibahagikan kepada dua buah negeri berasingan, Kedah dan Setiu/Lingga. Sebaliknya apabila Bangkok melantik kembali Sultan Ahmad Tajuddin sebagai pemerintah Kedah menyebabkan satu perubahan baru dilaksanakan.³¹ Pada kali ini, Kesultanan Kedah telah dipisahkan kepada empat buah negeri terdiri daripada Kedah, Kubang Pasu, Perlis serta Setul yang masing-masing diperintah oleh seseorang Gabenor. Seperkara yang menarik, maklumat mengenai persempadanan negeri-negeri baru tersebut khususnya Perlis telah tercatat secara jelas sebagaimana berikut:

Adalah asal perentahan Negri Kedah termasuk sekali Negri Perlis, Negri Setol dan pulau-pulau sampai di perenggan Negri Morgi ketika Siam sudah tawan Negri Kedah itu dipecahkan jadi 4 bahagian Negri Setol diberi kepada Tenku Bisnu menjadi Raja dengan perentahan yang asing-asing dan Negri Perlis diberi kepada Syed Hussin Jamallulail menjadi Raja dengan

³⁰ Muhammad Hassan bin To' Kerani Muhammad Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, hlm.137

³¹ Dicatatkan bahawa Tuan Syed Hussin bersama-sama dengan Tengku Anom Paduka Raja Jambangan serta Tengku Seraja Wang telah berangkat ke Pulau Pinang untuk menjemput kembali Sultan Ahmad Tajuddin II kembali bertakhta di Kedah. Selain itu, diwujudkan negeri-negeri baru oleh pihak Siam adalah bertujuan untuk menyekat kebangkitan semula masyarakat Kedah menentang Siam.

perintahnya yang asing-asing ... maka perenggan Negri Kubang Pasu itu diantara tebing Sungai Kedah sebelah utara daripada Kuala Alor Madi sampai ke ulu Sungai Padang Terab dan daripada Kuala Alor Madi pergi ke utara ikot sungai jalan ke Perlis pergi bertumpu dengan Negri Perlis ditempat yang bernama Kurong Anai yang dipanggil sekarang Mukim Jelempek.³²

Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah, Salasilah Perlis, Merong Mahawangsa walaupun tidaklah memerihalkan mengenai persempadanan (geopolitik) setereperinci sebagaimana di dalam *Salasilah Atau Tarekh Kerajaan Kedah*. Sebaliknya sekadar menyebut empat negeri tersebut beserta nama pemerintahnya sahaja, ini kerana Wan Yahya bin Wan Muhammad ingin menggambarkan peristiwa tersebut dengan lebih panjang dan berkesan berbanding teks-teks Melayu lain seperti *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* yang menyebut, "...bolehlah paduka anakanda terima Kayang itu dan memerintahnya seperti paduka ayahanda Tengku Dhiauddin dahulu ... bermohon berangkat balik ke Kota Kayang bersemayam di Arau..."³³

Sejurus penganugerahan gelaran "Phya" yang bermaksud raja kepada Raja Syed Hussin Jamalullail oleh Raja Siam (Rama III) pada tahun 1843 maka bermulalah perkembangan sejarah Perlis yang telah muncul sebagai sebuah negeri berasingan dari Kedah secara teori serta amalannya. Sepanjang pengamatan yang dilakukan, setiap gelaran yang dikurniakan oleh Raja Siam khususnya Perlis memiliki panggilan tersendiri dan ini telah dirakamkan oleh pengarang *Salasilah Perlis* yang menyebut,

...maka keluarlah titah pula seperti beri tempoh berapa hari boleh mari pula kerana hendak dirasai nama bagi patut padan dengan rupa. Maka bermohonlah raja Ligor bawalah Syed Hussin ke tempat duduk cukup hari tempoh raja Maha Besar Siam [...] suruh bawa keluar surat [...] itu bacakan beri dengar akan gelaran namanya Syed Hussin itu demikian bunyinya: iaitu Phya Wichit Songkram Rama Wichit Willis Asmara Phya Perlis demikian adanya ... maka baliklah Syed Hussin sekalian ke Perlis memerintah negeri Perlis menurut seperti mana peraturan...³⁴

Walaupun, gelaran perjawatan yang dianugerahkan oleh Raja Siam menurut *Salasilah Perlis* berbunyi, Phya Songkram Rama Wichit Wilis Asmara Phya Perlis sementara *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* menyebutnya sebagai Phya Indera Kayang. Meskipun kedua-dua gelaran tersebut sama sekali jauh berbeza akan tetapi gelaran "Phya" itu sudah cukup membuktikan bahawa Bangkok telah mengiktiraf Perlis sebagai sebuah negeri menerusi perlantikan seorang yang bergelar "raja" untuk memerintah. Maka dengan ini sudah rasmi Syed Hussin Jamalullail dilantik serta ditabalkan sebagai Raja Perlis yang pertama³⁵

³² Wan Yahya bin Wan Muhammad Taib bin Temenggong Wan Musa al-Shahid bin Temenggong Sri Raja Petra, *Salasilah Atau Tarikh Kerajaan Kedah*, Alor Star: Di-chap oleh British Malaya Press, 1329 [1911], hlmn. 9

³³ Muhammad Hassan bin To' Kerani Muhammad Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, hlm 175 – 176.

³⁴ *Salasilah Perlis*, hlmn. 20

³⁵ Lembaran sejarah Negeri Perlis ini bermula apabila Muhammad Hassan telah mencatatkan bahawa Perlis merupakan hadiah daripada Sultan Kedah kepada Syed Hussin, ini dibuktikan dalam naskhah *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* yang menyebut, "...Maka sekarang ini hamba hendak serahkan Kayangan itu kepada Tuan Sayed Hussin cucu paduka ayahanda Tengku Dhia'uddin...". Fakta ini disokongkan lagi dengan penulisan awal bertajuk "Sejarah Negeri dan Raja-raja Perlis" oleh Hussain Baba Mohammad yang diterbitkan dalam jurnal *JMBRAS* pada 1969. Penulis berkenaan telah menyatakan bahawa Perlis berasal sebagai salah sebuah jajahan negeri Kedah tetapi menjadi negeri yang terasing pada tahun 1843 sebagai anugerah daripada Sultan Ahmad Tajuddin II. Ini disebabkan jasa Syed Hussin yang membantu Tengku Anom memerdekakan Kedah dari taklukan Siam ini dapat dilihat dalam tulisan Syed Hussin, "...maka daripada perolehan ampun kurnia inilah Kayang "negeri yang diperolehi" itu akhirnya menjadi sebutan negeri Perlis. Sebelum ini tidak dipanggil Perlis kepada Kayang atau Indera Kayangan". Lihat, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, hlm.175; Tang Julie Su

walaupun tidak lama selepas itu terjadi sesuatu konflik antara Perlis dan Kedah sekitar 1890-an. Kobkua Suwannathat-Pian, ada menyatakan bahawa keselamatan institusi diraja Perlis di bawah dinasti Syed Jamallulail dari 1841 hingga 1909 bergantung kepada dasar Bangkok.³⁶ Dengan itu, dapat dikatakan bahawa kewujudan institusi beraja di Perlis adalah kesan campur tangan kuasa luar dan legitimasi pemerintahan berasaskan surat tauliah dari Raja Siam hingga tahun 1909, alat kebesaran bagi Raja Perlis ialah surat tauliah tersebut.

Sejarah negeri Perlis berlanjutan di dalam *Salasilah Atau Tarekh Kerajaan Kedah* pada tahun 1897 tidak naskhah-naskhah lain. Walaupun sedia maklum teks *Salasilah Atau Tarekh Kerajaan Kedah* tidak mempersiapkan kisah sepanjang naskhah-naskhah lain, sebaliknya kebanyakan peristiwa di dalamnya sekadar catatan sepintas lalu sahaja. Akan tetapi, intipati yang diperihal itu telah membangkitkan perhatian apabila cerita hubungan persaudaraan diraja di antara Perlis dan Setul turut diperjelaskan oleh pengarang.

Di chetarkan sedikit dari hal Negri Perlis dan Negri Setul pada Hajarat 1314 Tuan Syed Saffee menjadi Raja di dalam Negri Perlis akan Raja Perlis itu sodara sepupu dengan Sultan sebelah bonda sultan di dalam Negri Setul Tenku Abdul Rahman menjadi raja akan raja setul itu sodara sepupu juga dengan sultan sebelah ayahanda baginda sultan.³⁷

Tanggal 15 Ramadhan 1314 bersamaan 19 Februari 1897, Tuan Syed Ahmad Jamalullail (Raja Perlis ke-2) mangkat di Arau setelah jatuh gering selama beberapa hari. Sehubungan itu, maka Tuan Saffi Jamalullail telah ditabalkan oleh Raja Siam (Raja Chulalongkorn) sebagai Raja Perlis pada 10 Zulhijjah 1314 (13 Mei 1897). Sebagaimana diketahui, Negeri Setul dalam tempoh tersebut diperintah oleh Tengku Abdul Rahman dan beliau itu adalah sepupu dengan Raja Syed Saffi di sebelah ayahandanya.³⁸ Dengan ini jelaslah bahawa telah wujud pertalian persaudaraan kedua-dua negeri sejak sekian lama lagi dan hubungan kekeluargaan tersebut berkekalan sehingga kini. Penerangan tidak terbatas kepada pertalian kekeluargaan diraja sahaja bahkan turut memperihalkan peristiwa seperti berikut,

Akan jalan besar daripada simpang Jetra pergi ke Negri Perlis itu di molaie perbuat pada tarekh 1320 di dalam tahun 1324 dipersudahkan.³⁹

Penting juga disebutkan bahawa sewaktu pemerintahan Raja Syed Saffi Jamalullail (1897-1904) mula berlaku kemajuan dan pembangunan negeri Perlis. Ini terbukti apabila jalan raya dan tali air yang terdapat di Perlis kiam pesat adalah hasil pengasasan

Chin, *Sejarah Kerajaan Perlis, 1841-1957 (History of the Kingdom of Perlis, 1841-1957)*, Kuala Lumpur: MBRAS, 2002, hlm 12; Hussin Baba Mohamad, "Sejarah Negeri dan Raja-Raja Perlis", *JMBRAS*, Jilid XLII, Bhgn 2, 1969, hlm 177.

³⁶ Kobkua Suwannathat-Pian, "Kesultanan Perlis", dalam *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, hlmn. 1218.

³⁷ Wan Yahya bin Wan Muhammad Taib bin Temenggong Wan Musa al-Shahid bin Temenggong Sri Raja Petra, *Salasilah Atau Tarikh Kerajaan Kedah*, Alor Star: Di-chap oleh British Malaya Press, 1329 [1911], hlmn 14.

³⁸ Selain memiliki hubungan persaudaraan dengan Setul, Perlis tidak terkecuali daripada turut sama terjalin hubungan kekeluargaan dengan Negeri Kedah. Sedia maklum Kesultanan Kedah ketika itu ditadbir oleh Sultan Abdul Hamid Shah dan baginda adalah juga merupakan sepupu dengan Raja Syed Saffi sebelah bondanya. Bonda Raja Syed Saffi, Wan Tam adalah adinda kepada Wan Hajar (Wan Teh), iaitu bonda kepada Sultan Abdul Hamid. Yang menariknya juga, Wan Tam dan Wan Teh adalah saudara dengan Dato Wan Ismail, Paduka Laksamana Kedah. Dengan ini jelaslah, bahawa Raja Syed Saffi dan Sultan Abdul Hamid merupakan sepupu manakala Dato'Perdana Menteri Kedah Wan Muhammad Saman adalah ayahanda saudara dengan baginda berdua. Lihat, Ahmad Ismail dan Yazid Mat, *Perlis Indera Kayangan: Sejarah Pembentukan Sebuah Negeri Berdaulat*, hlmn. 73

³⁹ Wan Yahya bin Wan Muhammad Taib bin Temenggong Wan Musa al-Shahid bin Temenggong Sri Raja Petra, *Salasilah Atau Tarikh Kerajaan Kedah*, Alor Star: Di-chap oleh British Malaya Press, 1329 [1911], hlmn 18.

pembinaanya oleh baginda. Perhubungan jalan raya yang menyambungkan negeri Perlis dan Kedah melalui Koding dan Jitra mula dibina pada tahun 1902 dan siap tiga tahun kemudian, ini seperti yang tercatat dalam teks *Salasilah Atau Tarikh Kerajaan Kedah*. Maka tidak hairanlah sekiranya baginda digelar “Pengasas Pembangunan Perlis” atas sumbang bakti yang dicurakkannya dalam pelbagai cabang sama ada politik, ekonomi serta sosial kepada masyarakat Perlis.

KESIMPULAN

Penubuhan institusi beraja Perlis telah menunjukkan keunikan tersendiri dalam sosiopolitik sekiranya hendak dibandingkan dengan Kesultanan Melayu lain. Sejarah Perlis sebagai sebuah wilayah jajahan dalam Kesultanan Melayu Kedah telah wujud sejak zaman lampau dan Perlis selalu dilihat sebagai tapak pedalaman kuasa politik pemerintah Kedah. Oleh yang demikian dengan menggunakan teks-teks Melayu seperti *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, *Salasilah Atau Tarekh Kerajaan Kedah*, *Peringatan Raja-raja Kedah*, *Hikayat Merong Mahawangsa* serta disokong oleh karya pensejarahan Perlis sendiri umpamanya, *Salasilah Perlis* dan *Salasilah D.Y.M.M. Raja-Raja Perlis: Perhubungan dengan Nabi Muhammad S.A.W., D.Y.M.M. Sultan Kedah, D.Y.M.M. Raja Kubang Pasu, Dato' Arau, dan Y.B. Dato' Pulau Langkawi* sebagai sumber sekurang-kurangnya segala maklumat yang menyentuh mengenai sejarah Perlis dapat dikesan dan diketengahkan. Hakikatnya, keterangan mengenai Perlis telah mendapat tempat di kalangan para pujangga Melayu dalam meletakkan isu negeri dan tokoh pemimpin Perlis sebagai induk penceritaan. Namun kesedaran mengenai kewujudan sejarah institusi diraja Perlis dalam teks Melayu sangat kurang. Justeru itu adalah wajar untuk meletakkan kewibawaan teks-teks tersebut sebagai naskhah pensejarahan negeri Perlis dan melakukan labih banyak penelitian ilmiah ke atasnya. Perkara inilah yang wajar diketengahkan, diteliti dan diperhalusi lebih-lebih lagi Perlis sememangnya kekurangan dari sumber pensejarahan Melayu.